

09/08/1997

Terap semangat Asean pada remaja: Dr M

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu remaja Asean dipimpin sebaik mungkin supaya mereka dapat memberi sumbangan kepada masa depan rantau ini.

"Marilah kita pimpin mereka secara Asean dan dengan semangat Asean supaya mereka akan menjadi rakyat Asean yang baik, bertanggungjawab dan berguna," katanya dalam perutusan sempena ulang tahun Asean ke-30, yang disiarkan RTM malam ini.

Perdana Menteri berkata, pengalaman memimpin Asean selama 30 tahun sepatutnya digunakan untuk menunjuk jalan kepada mereka yang akan mengambil alih tanggungjawab mewujudkan Asean yang baik dan lebih sepadu.

"Sekiranya penduduk ialah aset kita, remaja ialah pelaburan yang paling baik untuk masa depan," katanya.

Dr Mahathir juga berkata, kerana dunia sekarang lebih rumit dan mencabar, pemimpin Asean perlu mengimbas kembali mengenai sesetengah masalah dan kesusahan masa lampau supaya tidak diulangi.

Katanya: "Ketika kita berdiri di ambang abad ke-21 kita perlu bersedia sepenuhnya untuk mengurus cabaran yang akan mengiringi alaf baru.

"Dengan mempunyai sikap yang betul, pengetahuan dan komitmen, dan mengambil pengajaran dari masa lampau Asean, kita akan dapat menghadapi cabaran yang bakal muncul," katanya.

Dr Mahathir berkata, Malaysia bangga menjadi anggota Asean dan menyumbang sesuatu ke arah kejayaan persatuan serantau itu.

"Kita komited penuh kepada matlamat dan ideal Asean dan kita yakin Asean akan mencapai kemajuan yang lebih lagi pada masa depan," katanya.

Beliau juga berkata banyak yang sudah dicapai hasil daripada semangat Asean, membuat sesuatu dengan cara Asean, yang bermakna mengamalkan rundingan dan mencari kata sepakat dengan mengawal diri dan saling menghormati.

Dr Mahathir berkata: "Ada masa-masa kewujudan dan kesepaduan kita diuji, tetapi kita sentiasa dapat mengatasinya dan menjadi lebih kuat.

"Dalam semua perkara yang kita lakukan, semangat bersatu padu Asean sentiasa diamalkan dan ini telah menjadi pedoman kita."

Beliau berkata, Asean akan terus membelai dan menyuburkan prinsip ini untuk memastikan kemakmuran dan kekuatan yang lebih lagi.

"Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat menyambut ulang tahun ke-30 Asean kepada semua warga Asean," katanya. - Bernama

(END)